

PENGURUSAN SISA PLASTIK

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN



PENGENALAN

Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memelihara, memulih serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Pulau Pinang

Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma telah diperkenalkan di Pulau Pinang sebagai salah satu teras utama dalam pelaksanaan dasar Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang.



OBJEKTIF

Objektif utama bagi pengurusan sisa plastik adalah seperti berikut :

Mengurangkan kuantiti penggunaan jumlah beg plastik yang memudaratkan alam sekitar

Meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar

Menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau

Mengurangkan perbelanjaan negeri bagi kos pelupusan sisa pepejal melibatkan beg plastik

kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan kes banjir kilat dan demam denggi adalah disebabkan oleh pembuangan beg plastik secara berleluasa ke laluan air dan parit

KEMPEN PLASTIK BEG

Pelaksanaan dan kadar caj sumbangan kutipan beg plastik yang dikenakan berkuatkuasa 1 Januari 2021 adalah seperti berikut :

- Nilai RM1.00 yang dikenakan kepada pengguna adalah tidak termasuk cukai barangan dan perkhidmatan.
- Caj sumbangan kutipan terkumpul yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan disalurkan ke Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang bagi kegunaan program-program kebajikan masyarakat di Pulau Pinang



PLASTIK DI PERINGKAT SEBERANG PERAI

sampah yang dikutip di Seberang Perai dan dibawa ke pusat pelupusan sampah di Pulau Burung kini mencecah 251,101.64 tan atau bersamaan 48 peratus daripada jumlah sampah yang dilupuskan di situ. Seberang Perai menghantar sehingga 2,200 tan sampah sehari ke Pulau Burung. Majlis Bandaraya Seberang Perai kini membelanjakan sehingga RM20 juta setahun untuk pengurusan sampah.



KEMPEN TIADA GUNA STRAW PLASTIK

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi penekanan kepada pengurangan penggunaan plastik dengan melaksanakan inisiatif hijau “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” (No To Single-Use Plastic). Tujuan pelaksanaan Program “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” adalah untuk mengkurangkan impak pencemaran dan masalah buangan sampah yang disebabkan oleh penggunaan plastik sekali guna seperti bag plastik dan straw minuman.

Autocity merupakan organisasi pertama di Seberang Perai yang mengadakan Program Tiada Guna Straw Plastik di semua 37 premis perniagaan (makanan) di kawasan Auto City, Juru. Tujuan Program Tiada Guna Straw Plastik ialah langkah mitigasi bagi meminimumkan penggunaan plastik dan sekaligus melindungi alam sekitar dari pencemaran.



PROSES KEMPEN PENGURUSAN SISA PLASTIK DI PULAU PINANG



KEMPEN PENDIDIKAN



pendidikan dijalankan di peringkat sekolah tadika, sekolah rendah dan juga sekolah menengah bagi memupuk kesedaran kepada para pelajar



Program Gotong Royong dikawasan Seberang Perai bersama agensi luar, Sekolah dan lain-lain.



Penyediaan Tong Kitar Semula di Menara MBSP bagi memudahkan orang awam membuang barang yang boleh dikitar semula